



## SIARAN MEDIA

### KPKT KOMITED MENINGKATKAN ELEMEN DAYA HUNI MELALUI MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-79 (MNKT KE-79)

---

**PUTRAJAYA, 23 Jun 2022** - YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya telah **mempengerusikan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke-79 (MNKT Ke-79)** di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada petang ini. Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Timbalan-timbalan Menteri berkaitan, Exco-Exco Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai yang mewakili Kementerian/ Agensi Pusat dan Kerajaan Negeri.

MNKT merupakan **medium perundingan bagi penggubalan dasar berkaitan hal ehwal Kerajaan Tempatan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri** selaras dengan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan. Keputusan-keputusan dasar dan perkara-perkara yang dibincangkan di mesyuarat MNKT akan dibawa untuk perhatian Kerajaan Negeri sebelum ia dilaksanakan di peringkat Kerajaan Tempatan.

Mesyuarat MNKT ke-79 hari ini antara lain telah menimbang dan bersetuju meluluskan pemakaian dokumen Garis Panduan Penilaian Keterancaman Tanah Runtuh dan Indeks Risiko di Infrastruktur-Infrastruktur Kritikal Awam di Malaysia yang dibangunkan oleh Kementerian Kerja Raya. Garis Panduan ini merupakan dokumen tambahan berkaitan indeks peta risiko yang perlu dibaca bersama garis panduan - garis panduan serta dokumen pengurusan cerun lain yang telah sedia diguna pakai di peringkat kerajaan persekutuan, negeri mahu pun kerajaan tempatan. Melalui Garis Panduan ini, para pemegang taruh (termasuk pihak Kerajaan dan pemaju) akan dapat merancang dan menentukan pembangunan setempat dengan lebih efisien dan sekaligus mengurangkan risiko tanah runtuh di kawasan-kawasan infrastruktur kritikal awam seperti jalan raya, empangan, telekomunikasi dan bangunan-bangunan awam.

Mesyuarat juga telah mengambil maklum mengenai **kejayaan pelaksanaan inisiatif Peraturan Tangkas (Agile Regulation)** iaitu pengeluaran permit pembinaan secara ekspres yang berupaya melonjakkan produktiviti negeri seperti mana yang telah dilaksanakan di negeri Kedah melalui kerjasama Majlis Perbandaran Kulim dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Selain itu, mesyuarat juga mengambil maklum berhubung **perancangan transformasi pengurusan sisa pepejal ke arah ekonomi kitaran yang sedang dilaksanakan oleh KPKT** bagi memastikan pengurusan sisa pepejal yang lebih mampan di seluruh negara.

KPKT akan terus memberikan komitmen penuh bagi menjayakan agenda **“Malaysia Berdaya Huni”** atau **Liveable Malaysia** melalui usaha bersama dalam memperkasa PBT untuk tampil lebih cemerlang dan dinamik serta mampu mendepani cabaran mendatang. Justeru, selaras dengan **aspirasi Keluarga Malaysia menerusi konsep the whole of Government**, Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama bagi memastikan dasar, perundangan dan hal ehwal mengenai kerajaan tempatan ditambah baik seterusnya meningkatkan elemen daya huni demi kesejahteraan komuniti.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

